

CNS6198

U GB 09-09 00163 BH211

bah

PM - Wanita

TENAGA WANITA JUGA DIPERLUKAN, KATA PM

KUALA TERENGGANU, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata umat Islam perlu kepada semua tenaga termasuk wanita dalam persaingan dengan masyarakat dan penganut agama lain.

Beliau berkata mereka yang bersaing dengan umat Islam menggunakan semua tenaga mereka dan tidak mengasingkan tenaga wanita daripada tenaga lelaki.

Perdana Menteri berkata umat Islam di dunia kini berjumlah kira-kira 1,000 juta dan 500 juta daripadanya ialah wanita.

"Kalau kita asingkan kaum wanita, bermakna kita mengurangkan tenaga kita sebanyak 50 peratus dan sudah tentu tenaga kita untuk bersaing dengan pihak lain akan berkurangan," katanya pada perjumpaan dengan kakitangan dan pelajar Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) di sini petang ini. Dr Mahathir dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini.

"Kemungkinan kita gagal adalah lebih besar kalau kita ketepikan tenaga dan kebolehan wanita," tegasnya kepada kira-kira 1,000 hadirin. -- Lagi

▼09/09/19-11MST

U GB 09-09 00156 BH212

bah

PM - Wanita 2 (Akhir) Kuala Terengganu

Katanya wanita juga mempunyai kebolehan yang tidak kurang daripada lelaki dalam pelbagai bidang.

"Kita akui mereka mempunyai peranan tertentu tetapi di samping itu mereka mempunyai tenaga yang boleh digunakan untuk mengubah masyarakat umat Islam," tambah Dr Mahathir.

Beliau juga menggesa para pelajar berusaha mencapai kesempurnaan dan kecemerlangan dalam semua tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Perdana Menteri berkata mereka hendaklah jangan puas hati dengan pencapaian mereka dan mesti berusaha untuk mencapai yang lebih tinggi daripada itu.

"Ini bukan bermakna kita angkuh dan tidak merendahkan diri kita sebagai seorang Islam. Sebenarnya apa yang kita buat ialah untuk agama kita supaya dapat bersaing dengan orang lain dan mengatasi mereka," tambahnya.

Turut hadir ialah Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Mor, yang juga Pengerusi Majlis Kusza. - Bernama

sbj rs